



JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI  
(JAWHAR)



Yayasan Waqaf Malaysia

## KENYATAAN MEDIA

### JABATAN WAKAF ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR) & YAYASAN WAQAF MALAYSIA

#### **“WAKAF MEMBANGUN MALAYSIA MADANI” TEMA SAMBUTAN BULAN WAKAF KEBANGSAAN TAHUN 2023**

---

1. Kerajaan Persekutuan melalui JAWHAR dan Yayasan Waqaf Malaysia terus komited bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri agar sumber wakaf dapat digembleng secara optimum. Kerjasama ini telah berjaya menatijahkan lebih 70% lot-lot tanah wakaf di setiap negeri dimanfaatkan bermula dari Rancangan Malaysia Ke-9 hingga Ke-12 dan disusuli menerusi Belanjawan Tahunan Negara.
2. Berdasarkan rekod, sejumlah RM262 juta dana wakaf tunai telah berjaya dikutip oleh Majlis Agama Islam Negeri dan Yayasan Waqaf Malaysia dalam tempoh 3 tahun dari tahun 2020 hingga tahun 2022. Dalam pada itu, angka kutipan wakaf tunai ini juga telah menunjukkan peningkatan sebanyak 52% pada tahun 2022 berbanding pada tahun 2020.
3. YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam ucapan pelancaran Bulan Wakaf Kebangsaan Tahun 2023 menerusi Rancangan Assalamualaikum Khas di TV AlHijrah berkata, aktiviti wakaf perlu terus disemarakkan bagi menggalakkan lebih ramai masyarakat sama ada individu, persatuan-persatuan, syarikat-syarikat dan GLC menjadikan amalan berwakaf ini suatu tradisi yang perlu dihidupkan.
4. Pihak Kerajaan akan mengkaji dan meneliti pembangunan di atas tanah-tanah wakaf sedia ada yang masih belum dibangunkan agar ia dapat memberi manfaat kepada masyarakat dengan mengambil kira kejayaan-kejayaan pembangunan sedia ada di atas tanah wakaf.

5. Tambahnya lagi, syarikat-syarikat Kerajaan terutamanya, perlu mencari hala tuju baharu untuk meningkatkan usaha membangunkan wakaf. Semasa membentangkan Belanjawan 2023, Wakaf Madani telah diwujudkan dengan aset bernilai RM1 billion atas komitmen pihak swasta. Bagi tujuan ini, pihak Kerajaan akan mengumumkan dengan lebih terperinci apa itu Wakaf Madani dan apakah langkah-langkah yang harus dilakukan untuk memajukan wakaf secara keseluruhan, dalam masa terdekat.
6. Beliau turut percaya sambutan Bulan Wakaf Kebangsaan ini akan dapat meng*ihya*'kan (menghidupkan) Ramadan kerana menerusi bulan ini, masyarakat akan meningkatkan usaha amal jariah, sedekah dan juga berwakaf.
7. Terdahulu, menerusi sesi bual bicara bersama Ketua Pengarah JAWHAR, Dato' Selamat bin Paigo, terdapat 4 perkara utama yang boleh dan perlu diberi perhatian ke arah memastikan wakaf menyumbang 20% kepada pengembangan sektor Kewangan Sosial Islam, iaitu:
  - a. Pertama, peranan wakaf boleh diperkasakan melalui penglibatan syarikat-syarikat gergasi berkaitan Kerajaan yang menyumbang dana dalam bentuk wakaf bertempoh yang akan kembali semula kepada mereka dalam tempoh tertentu agar satu sumber dana wakaf yang lestari boleh diwujudkan;
  - b. Kedua, Kerajaan juga akan berusaha mewujudkan ekosistem yang kondusif kepada pemain-pemain industri wakaf yang dijangka akan mampu menyemarakkan lagi pembangunan di atas tanah-tanah wakaf;
  - c. Ketiga, peranan JAWHAR dan Yayasan Waqaf Malaysia selaku entiti wakaf di peringkat Persekutuan akan diperkasakan agar berupaya menjadi sebuah institusi yang boleh mengurus dana wakaf secara profesional; dan
  - d. Keempat, Agensi Berkaitan Wakaf hendaklah lebih proaktif dan agresif dalam mempromosi dan memberi kesedaran wakaf kepada masyarakat.
8. Dalam sesi yang sama juga, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia, Encik Abdul Halim bin Mat Yusop menyatakan bahawa wakaf perlu dilihat dalam kerangka yang lebih besar, yang

merangkumi semua aspek sara hidup iaitu makanan, kesihatan, pendidikan, utiliti, pengangkutan dan perumahan.

9. Menerusi majlis ini juga, terdapat simbolik penyerahan buku wakaf dalam tulisan Braille, inisiatif kerjasama Kerajaan menerusi JAWHAR dan Persatuan Orang Cacat Penglihatan (PERTIS) melalui penyediaan bahan-bahan dan maklumat berkaitan wakaf bagi dijadikan buku untuk bacaan dalam kalangan OKU penglihatan. Usaha ini turut disokong oleh Yayasan Waqaf Malaysia yang telah menyumbang Dana Wakaf Tunai sebanyak RM35,000 bagi tujuan pembelian mesin pencetak Braille (Embosser) pada tahun 2022.

- Tamat -

---

### **Yayasan Waqaf Malaysia**

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM, maklumat terkini pelaksanaan projek wakaf dan untuk berwakaf sila layari [www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my)

### **Nota:**

Sebagai makluman, mantan YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika melancarkan Bulan Wakaf Kebangsaan tahun 2021 pada 1 Ramadan 1442H telah mengumumkan bahawa bulan Ramadan adalah Bulan Wakaf Kebangsaan. Program ini telah diteruskan pada tahun 2022 dan tahun 2023.

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

1. **Cik Haidatul Azia binti Husin**  
**Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**019-3883395 | azia@ywm.gov.my**
2. **Cik Nur Ain binti Mohd Nazri**  
**Pegawai Media**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my**